

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK  
Tempat: DEWAN BANKUET, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA  
LUMPUR  
Tarikh: 24-12-2004  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SASTERA PERDANA  
MALAYSIA 2002/2003

Tuan Yang Terutama,

YB Menteri,

YBhg. Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin, Pengerusi  
Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka,

Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka merangkap Pengerusi Panel Hadiah  
Sastera Perdana Malaysia,

YBhg. Sasterawan Negara,

Tetamu kehormat,

Para penerima Hadiah Sastera Perdana,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat  
Petang.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi pujian saya ungkapkan ke  
hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan inayah-Nya  
kita dapat hadir bersama-sama dalam majlis yang amat besar  
maknanya dalam sejarah perkembangan sastera negara iaitu  
majlis penyampaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia (hadiah  
yang khusus diberikan bagi karya yang terbit dalam tahun-  
tahun 2002 dan 2003).

Saya masih ingat lagi pada tahun 2000, saya telah diberi  
penghormatan menyampaikan Hadiah Sastera Perdana sebegini  
di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur dan pada petang  
ini pula saya berasa amat sukacita kerana acara ini dapat  
diadakan di bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri iaitu  
bangunan menara yang berdiri gagah dan serba indah ini.  
Syabas dan tahniah.

Sesungguhnya lagi, falsafah keterbukaan, keluasan tradisi ilmu dan persuratan yang ingin dicapai oleh DBP, tampaknya diperlambangkan dengan serba megahnya oleh menara ini, yang menjulang sebuah replika buku, luas terbuka menengadah ke langit tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang termaklum, salah satu objektif penubuhan DBP ialah "memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan". Pada hemat saya, objektif ini mempunyai maksud yang amat luas, antaranya menggalakkan penciptaan karya sastera yang bermutu, memberikan pengiktirafan terhadap karya tersebut dan memperluaskan khalayak sastera sama ada di dalam atau di luar negara dengan menggunakan pelbagai pendekatan atau strategi.

Dalam hubungan ini, berperanan sebagai penerbit pula, DBP perlulah memperhebat penerbitan karya sastera yang bermutu dalam Bahasa Melayu untuk semua peringkat pembaca. Jika peranan ini dimainkan dengan baik dan sempurna, maka saya pasti akan terus subur dan terpeliharalah sastera dan Bahasa Melayu di tanah air kita ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Lewat karya yang diusahakan, sama ada novel, cerpen, puisi, esei dan drama, pengarang atau sasterawan secara berseni, bijaksana dan berdisiplin mampu menghasilkan karya yang bermutu dan lazimnya proses ini menuntut pengorbanan yang besar dari segi, masa, jiwa dan raga, baik dirinya atau orang-orang di sekitarnya.

Justeru, pada hari ini satu lagi detik bersejarah akan terukir apabila kita menyaksikan pengarang atau sasterawan daripada berbagai kalangan mendapat pengiktirafan melalui karya yang dihasilkan oleh mereka sepanjang tahun 2002/2003.

Mereka yang terpilih pada hari ini tentunya menjadi bukti dan teladan kepada ramai yang lain bahawa ketajaman bakat serta kekuatan tekad menjadi kunci kepada kejayaan.

Ini amatlah benar kerana golongan pengarang atau sasterawan pada umumnya berperanan bukan sekadar merakamkan peristiwa, malah lebih besar dari itu. Mereka menjadi pencetus

pemikiran, agen perubahan, pendakwah, penghibur dan ahli terapi masyarakat seluruhnya. Apatah lagi, usaha-usaha murni ini diiktiraf oleh Kerajaan dalam majlis seperti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Di negara kita ini, begitu banyak insentif menarik dan kesempatan berkarya yang diberikan bukan sahaja oleh DBP, malah oleh pihak lain antaranya Utusan, IPT, penerbit dan pertubuhan bukan Kerajaan dalam memartabatkan sastera kebangsaan. Usaha yang baik dan mulia ini amat disanjung tinggi dan hendaklah diteruskan.

Dalam hal ini kita menyedari sememangnya nilai hadiah dan cenderamata yang diberikan kepada para pemenang bukanlah tara dan ukuran dan sudah barang tentu tidak setimpal dengan sumbangan penting para pengarang dan sasterawan. Kendatipun begitu, anggaphlah pengiktirafan ini sebagai satu laluan untuk melonjakkan nama pengarang dan sasterawan di persada sastera yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa.

Kalau boleh kita hendak sampai berupaya meraih hadiah nobel bagi kategori sastera. Saya kira hal ini tidak mustahil dan pasti menjadi kenyataan suatu hari nanti kerana DBP juga sedang rancak merancang terjemahan karya-karya tempatan ke dalam bahasa-bahasa utama dunia.

(Oleh yang demikian bersesuaian dengan keadaan semasa dirasakan wajar juga nilai hadiah dan sumbangan dikaji semula dan ditambah).

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya difahamkan bahawa pelbagai usaha sedang dibuat demi untuk meningkatkan penyertaan kalangan penulis berbagai kaum dalam program pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan. Melalui Majlis Penulis Pelbagai Kaum Malaysia, banyak kegiatan telah dirancang dan dilaksanakan antaranya dengan mengadakan simposium penulis, peraduan menulis cerpen dan puisi pelbagai kaum, festival sastera perpaduan dan penerbitan karya mereka.

Penyertaan pelbagai kaum perlu dipertingkatkan dan

diperluaskan, antaranya melalui kegiatan meningkatkan penghayatan sastera di kalangan generasi muda berbagai kaum.

Sehubungan itu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan penulis pelbagai kaum, saya dengan ini mengumumkan Anugerah Sastera Putra yang pencalonannya boleh dibuat oleh individu, institusi dan persatuan. Saya difahamkan Anugerah ini akan disampaikan pada bulan September tahun 2005.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Mahu tidak mahu, khalayak sastera perlu dibina pada umur muda dan awal lagi. Atas kesedaran ini, saya amat mengalu-alukan gagasan DBP untuk memperkasakan Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (PURNAMA) dalam penstrukturan semula organisasi DBP.

Perkara ini perlu dipandang serius jika kita ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi pembangunan sahsiahnya. Selain sistem pendidikan, penubuhan prasarana berwibawa yang dapat menjadi rujukan dan menasihati Kerajaan dalam hal pembangunan generasi muda merupakan suatu keperluan yang mendesak. Negara kita belum ada lagi sebuah badan yang dapat memainkan peranan ini. Maka saya amat menyokong penubuhan PURNAMA bermula di DBP dan pada akhirnya diharapkan akan berdiri sebagai sebuah entiti.

Sesungguhnya segala usaha yang membawa kebaikan ini amat dihargai oleh pihak Kerajaan dan kerana itulah juga saya berasa bangga apabila mendapat tahu bahawa DBP akan turut serta mengisi Program Khidmat Negara mulai tahun 2005.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima hadiah atas kejayaan yang diperolehi. Saya berharap tuan-tuan terus berkarya dan menghasilkan karya yang bermutu untuk tatapan anak bangsa kita.

Saya rakamkan jua di sini ucapan terima kasih kepada seluruh kerabat jawatankuasa penyelenggara kerana menyusun acara dan Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagai penganjur kerana memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang, seterusnya atas penghormatan kepada saya bagi menyempurnakan majlis pada petang ini.

Suka saya memetik beberapa baris gurindam Raja Ali Haji dan

serangkap pantun sebagai renungan kita bersama:

*Jika hendak mengenal orang berbangsa  
Lihatlah kepada budi dan bahasa*

*Jika hendak mengenal orang yang berilmu  
Bertanya dan belajar tiadalah jemu*

*Jika hendak mengenal orang yang berakal  
Di dalam dunia mengambil bekal.*

*Apa dijual apa dibeli  
Mari disukat gantang Pak Ali  
Bahasa tak boleh dijual beli  
Dari hidup sampai ke mati.*

Akhir kata, sastera kita adalah cerminan tamadun bangsa kita. Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*